

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 8/9/2007

Bush puji Malaysia, ASEAN perangi pengganas

Daripada ZAHARUDDIN MOHD. ALI

SYDNEY 7 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush memuji Malaysia dan lain-lain negara anggota ASEAN yang telah bersama-sama dengannya memerangi kegiatan pengganas.

Bagaimanapun, katanya, usaha tersebut perlu dilakukan secara berterusan dalam usaha untuk menjadikan rantau itu sebagai kawasan yang bebas dan selamat.

Menurut beliau, negara-negara ASEAN perlu bersungguh-sungguh dan meneruskan fokus mereka dalam usaha memerangi kegiatan pengganas.

"Tekanan yang diberikan ke atas kumpulan terbabit secara berterusan akan mengakibatkan kumpulan pengganas terus melarikan diri dan dalam keadaan demikian, kita akan berada dalam keadaan lebih selamat," katanya.


Bagaimanapun, katanya, setiap pihak berkuasa tersebut perlu terus memberikan tekanan dan jangan mudah menyerah.

"Usaha rantau ini memerangi pengganas ialah satu kejayaan yang tidak diketahui ramai tetapi ia adalah sesuatu yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain di seluruh dunia," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sidang kemuncak ahli-ahli perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini hari ini.

Bush tiba di sini Selasa lalu bagi menghadiri sidang kemuncak APEC bersama 20 lagi ketua-ketua negara pertubuhan itu bermula esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah



APEC
AUSTRALIA 2007

Ahmad Badawi dijadualkan tiba di sini esok untuk bersama-sama pemimpin APEC lain yang menghadiri sidang kemuncak itu.

Bush juga memuji usaha yang dijalankan oleh negara-negara Asia Pasifik meningkatkan kerjasama serantau dengan memberitahu Malaysia dan AS telah mewujudkan pusat latihan serantau untuk memerangi pengganas di Kuala Lumpur.

Pada masa sama, pusat latihan penguatkuasaan undang-undang bagi tujuan yang sama juga diwujudkan di Jakarta dan Bangkok dengan matlamat untuk memperbaiki keupayaan anggota keselamatan di seluruh rantau itu.

Presiden AS itu juga memuji usaha Abdullah yang telah memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia.


Melalui pendekatan ini, katanya, Perdana Menteri Malaysia telah menunjukkan bagaimana warga negara itu boleh menjadi sebuah masyarakat yang moden, demokratik, bertolak ansur dan pada masa sama berdaya saing dalam ekonomi global.

- Utusan

um-8/9/2007

Usaha rantau ini memerangi pengganas ialah satu kejayaan yang tidak diketahui ramai tetapi ia adalah sesuatu yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain di seluruh dunia

GEORGE W. BUSH
Presiden
Amerika Syarikat



MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz (kiri) bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong serta George W. Bush ketika menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Sydney, Australia, semalam.

- Bernama